

**PENELITIAN POTENSI KAJIAN LANJUT SEJARAH  
TENTANG GERAKAN AWAL TENTERA JEPUN KE KEDAH  
(TANAH MELAYU) DAN SUMATERA, INDONESIA DARI  
NOVEL *AKU TIDAK MINTA* KARYA ABDULLAH HUSSAIN**

***POTENTIAL HISTORICAL RESEARCH ON THE EARLY JAPANESE ARMY  
MOVEMENT TO THE STATE OF KEDAH (MALAYA) AND TERRITORY OF  
SUMATERA (INDONESIA) BASED ON THE NOVEL "AKU TIDAK MINTA"  
BY ABDULLAH HUSSAIN***

**Mohd Kasri Saidon**

Muzium Pengurusan Universiti Utara Malaysia  
(Email: kasri@uum.edu.my)

*Accepted date: 23-03-2019*

*Published date: 11-07-2019*

*To cite this document:* Saidon, M. K. (2019). Penelitian Potensi Kajian Lanjut Sejarah Tentang Gerakan Awal Tentera Jepun ke Kedah (Tanah Melayu) dan Sumatera, Indonesia dari Novel *Aku Tidak Minta* Karya Abdullah Hussain. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 88-96.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.26008

---

**Abstrak:** Artikel ini merupakan satu kajian asas kepada aspek sejarah yang terkandung dalam karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Novel *Aku Tidak Minta* lebih bersifat memoir pengalaman hidup beliau semasa Perang Dunia Kedua. Cacatan beliau diolah dari aspek gabungan seni penulisan sastera sebagai teras bidang beliau yang utama namun terkandung pelbagai maklumat yang agak terperinci tentang peristiwa kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu khususnya Kedah. Beliau juga menitik kembali penglibatan beliau sebagai agen pasukan perisikan Fujiwara Kikan untuk misi mereka di wilayah Sumatera, Indonesia. Catatan dibuat beliau yang bersifat memoir naratif ini mengandungi perincian secara kronologi pada aspek masa, tempat, individu dan peristiwa yang berlaku ketika itu. Ia merupakan sesuatu begitu bernilai kerana tidak banyak cacatan bersifat begitu oleh semasa perang tersebut. Ia boleh dijadikan sebagai asas berpotensi yang baik untuk kajian lanjut yang bersifat lebih akademik.

**Kata Kunci:** Sasterawan, Sumatera, Potensi, Kajian, Akademik

**Abstract:** This article is a fundamental study of the historical aspects contained in the work of the National Talent writer Abdullah Hussain. The novel written as a memoir of his life experience during the Second World War. His handicap was processed from the combined aspect of literary art as his main field of detail but contained a fairly detailed information on the events of the Japanese army to Malaya, especially Kedah. He also reiterated his involvement as Fujiwara Kikan

*intelligence agent for their mission in the region of Sumatra, Indonesia. His narrative notes were made in this narrative memoir containing chronological details on the aspects of time, place, person and event that occurred at that time. It is something worthwhile because not many defects are so during the war. It can serve as a good base for a more academic study.*

**Key Words:** *Writer, Sumatera, Worthwhile, Defects, Study*

---

## **Pengenalan**

Dalam sejarah Malaysia atau dengan nama Malaya dahulunya, kisah perang merupakan sebahagian dari episod perjalanan negara yang kekal menjadi tajuk perbincangan. Kisah mengenai Perang Dunia Kedua khususnya adalah cerita yang tidak putus-putus dikaji oleh para ahli sejarah khususnya yang mendalami bidang pertahanan. Dalam era moden abad ke-20, terdapat dua perang besar yang utama iaitu Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Namun untuk kawasan Asia Tenggara hanya Perang Dunia Kedua yang melibatkan kebanyakan negara kecuali Thailand (Siam). Perang Dunia Kedua juga adalah satu-satunya perang moden yang berlaku melibatkan keseluruhan Malaysia atau dengan nama Malaya atau umum disebut Tanah Melayu ketika itu. Untuk perbincangan ini nama Malaya digunakan kerana ia lebih banyak dicatatkan dalam rekod-rekod pihak kerajaan sama ada British, Jepun atau Indonesia sekali pun. Pelbagai rencah peristiwa terkandung di dalam catatan, rekod mahu pun surat-surat persendirian masih tetap dilihat, dikaji, diwacanakan dan diperkatakan hingga kini sama ada secara ilmiah atau sekadar perbincangan biasa. Malaya adalah antara tanah jajahan British yang terawal terjebak dalam kancah perang ini. Jatuhnya benteng pertahanan di Jitra yang masyhur dengan sebutan *Battle of Jitra* telah menjadi seakan runtuhnya domino pertama dalam sistem pertahanan British sehingga memungkinkan pihak Jepun menggempur dan menawan seluruh Malaya termasuk Singapura dalam masa 70 hari sahaja.<sup>1</sup> Di sebalik semua kejadian tersebut ada cerita tentang gerakan awal dan pengintipan yang dibuat Jepun melalui satu badan risikan yang dipanggil *Fujiwara Kikan*.<sup>2</sup> Gerakan ini adalah asas kepada kelancaran kemaraan armada Jepun di Malaya.<sup>3</sup> Dalam catatan Abdullah Hussain bertajuk *Aku Tidak Minta* terdapat penceritaan kembali semua pengalaman yang beliau lalui sebagai remaja dalam era perang ini. Beliau juga terlibat sebagai agen Jepun di Malaya dan berlebihan lagi di Sumatera khususnya di wilayah Aceh. Semangat nasionalis yang menebal menjadikan beliau menyertai gerakan *Fujiwara Kikan* dalam misi menghalau British dari Malaya. Dilihat semangat ini juga begitu menebal pada prinsip nasionalisme yang sama apabila Belanda menjadi ancaman kepada kemerdekaan penuh Indonesia. Kupasan yang dihuraikan beliau begitu terperinci dengan pelbagai paparan peristiwa diceritakan. Adalah sesuatu yang begitu bernilai dari apa yang telah

---

<sup>1</sup> Kupasan lebih meluas dalam Abdul Samad Idris, *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1993. Rujuk juga Ibrahim Ismail, 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Penerbitan Universiti Utara Malaysia untuk kupasan umum tentang peristiwa perang di Kedah. Kupasan meluas rujuk Matanle, Ivor, 1989. *World War II*, London: Colour Library Books.

<sup>2</sup> Kupasan meluas, rujuk Fujiwara Iwaichi, *F.Kikan: Japanese Army Intelligence Operation in South East Asia during World War 2*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983

<sup>3</sup> Ibrahim Yaakop yang memihak kepada Jepun sendiri seawall tahun 1930 an telah meninjau keadaan di seluruh Malaya dan melihat situasi social ketika itu. Rujuk Ibrahim Yaakop, *Melihat Tanah Air*, Kota Bahru: Al Islamiah Press, 1941

dipaparkan dan wajar ia dijadikan asas kepada kajian lanjut dalam skop sejarah sama ada di pihak Malaysia mahupun Indonesia.

### **Permasalahan Kajian dan Matlamat Penulisan**

Artikel ini adalah sebahagian kepada jawapan kepada permasalahan bagi sejarawan yang mengkaji tentang Perang Dunia Kedua khususnya di Kedah. Tidak banyak rekod bertulis selain dari rekod rasmi pihak kerajaan tentang peristiwa peperangan dan apa yang berlaku di dalamnya. Kebanyakan rekod adalah dari pihak British yang lebih memberikan fokus kepada soal strategi British dalam pertahanan. Rekod atau catatan tidak rasmi dari orang kebanyakan yang bersifat memoir begitu kurang. Kekurangan ini bakal memperlihatkan catatan yang tidak menyeluruh tentang isi negeri terhadap pengalaman semasa Perang Dunia Kedua.<sup>4</sup>

Artikel ini bertujuan sebagai pemula kepada penerangan tentang betapa isi kandungan novel *Aku Tidak Minta* merupakan satu bentuk dokumentasi secara tidak langsung kepada isi pensejarahan negara sama ada Malaysia atau Indonesia. Adalah menjadi harapan jika segala yang dipaparkan dapat dimajukan kepada kajian lebih ilmiah sebagai pengayaan sejarah yang ada. Sumber pertama iaitu penulis sendiri Abdullah Hussain telah pun meninggal dunia dalam tahun 2014 namun hasilan novel yang ditulis bersifat autobiografinya begitu terperinci dan kaya dengan informasi yang dapat dijanakan kajian ke atas maklumat atau penceritaan yang disampaikan. Penjejakan ilmiah adalah tindakan yang dapat dibuat untuk memastikan asas cerita yang disampaikan muncul sebagai dokumentasi sejarah yang bermakna.<sup>5</sup>

### **Kaedah Kajian dan Dapatan**

Penulisan artikel ini berasaskan kajian perpustakaan (library research) yang melihat sumber utama iaitu karya Abdullah Hussain sebagai asas. Penelitian fakta dibuat berasaskan rujukan silang untuk mendapatkan kesahan dan kejituan sumber. Kebanyakan sumber yang digandingkan adalah dari catatan rasmi dan penulisan ilmiah serta memoir yang dapat menyokong kajian. Aspek potensi sejarah yang terkandung di dalamnya sememangnya begitu sukar dirujuk pada sumber bantu yang lain namun ia bakal menjadi asas kepada penjanaaan kajian lanjut sepertimana maksud artikel ini.

### **Gambaran Awal di Sungai Petani**

Abdullah Hussain menulis dan menggambarkan suasana awal perang di awal novel beliau. Gaya penceritaan dan kemahiran sastera beliau membawa kembali pembaca ke situasi yang diceritakan. Dalam *Aku Tidak Minta* beberapa lokasi dijadikan asas cerita, perang yang hebat di Jitra dan Gurun

---

<sup>4</sup> Antara contoh catatan peribadi yang agak lengkap ialah pengalaman hidup Sir Mahmud Mat, selaku Malayan Civil Service semasa sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Lihat Mustafa Dato Mahmud, 1997 *Tinggal Kenangan The Memoir Of Dato' Sir Mahmud Mat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>5</sup> Pengalaman Jeneral Ibrahim Ismail sebagai agen Force 136 juga antara catatan yang berpotensi untuk kajian lanjut. Lihat Ibrahim Ismail, Jeneral Tan Sri, 1986. *Sudahkan Kamu Bertemu Mariam?*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Begitu juga Dorothy Tratcher & Robert Cross 1993. *Refugee From The Japanese*, Kuala Lumpur: MBRAS

diceritakan sedikit namun tumpuan asasnya ialah di selatan negeri di mana penulis banyak berada ketika itu. Penceritaan suasana perang dimulakan dengan apa yang dilalui di bandar Sungai Petani, Kedah. Penulis (Abdullah Hussain) ketika itu bertugas sebagai pekerja kedai dobi dan berurusan dengan kem tentera yang berhampiran bandar tersebut. Dituliskan gambaran keadaan ketika itu dengan pengunduran askar Bersekutu dengan keadaan tergesa-gesa dan semangat seolah-olah berputus asa.<sup>6</sup>

Pekan Sungai Petani dikawal ketenteramannya oleh petugas *Kedah Volunteer Force* (KVF) dan *Air Raid Precautions* (ARP), keadaan bandar sudah mulai sunyi kerana ramai penduduk sudah berpindah ke kawasan luar bandar mengelak dari bertembung dengan kancas perang. Pengkalan ARP ketika itu ialah di Sekolah Melayu Sungai Petani, ada di kalangan ARP yang merupakan guru ketika itu antaranya ialah seorang guru Melayu bernama Latif.<sup>7</sup> ARP juga mempunyai sejarah yang hebat jika dikaji dengan lebih lanjut, pasukan ARP Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar misalnya dari awal sebelum pecah perang memberikan khidmat sehingga Jitra jatuh di tangan Jepun.<sup>8</sup> Ada di kalangan anak muda ARP ini yang kemudiannya berundur ke selatan sehingga ke Perak dengan melarikan sebuah bas milik kolej tersebut.

Di pengkalan pihak tentera Berikat pula diceritakan tentang kehadiran pasukan tambahan yang ramai. Khemah didirikan di sekitar kem dengan nama seperti tempat di London, Piccadily Circus, Westminster dan segalanya sebagai lambang kerinduan kampung halaman mereka di England. Meriam penangkis kapal terbang di tempatkan di beberapa sudut bagi mengawal pertahanan kem dan bandar tersebut. Terdapat juga peristiwa di mana pesawat pejuang Berikat dan Jepun bertempur di udara secara *dog fight* di langit Sungai Petani yang disaksikan oleh Abdullah Hussain.<sup>9</sup>

Ketewasan pihak Berikat<sup>10</sup> menyaksikan mereka mulai berundur ke selatan dari pertahanan mula di Jitra, di Sungai Petani ada di kalangan askar India yang terpisah dari pasukan besar mereka yang mencari perlindungan di kampung-kampung Melayu berdekatan.<sup>11</sup> Ada yang menumpang di surau dan diberikan pakaian menggantikan uniform oleh para penduduk.<sup>12</sup> Ada juga anggota ARP yang juga terpisah dan mendapat perlindungan dari penduduk kampung. Agak menarik kerana Abdullah menceritakan perihal seorang askar Inggeris yang terpisah seorang diri dari pasukannya. Beliau berpakaian koyak rabak, dibasahi peluh dan hanya bersenjatakan sepucuk pistol. Sesuatu yang

---

<sup>6</sup> Kupasan awal pendudukan Jepun boleh dirujuk dari Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945: Tumpuan di Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, lihat juga catatan berbentuk novel sejarah dalam Shahrom Hussain, 2004. *Di Bawah Sinar Matahari*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>7</sup> Rujuk Abdullah Hussain, *Aku Tidak Minta*, Shah Alam: Fajar Bakti, 1998, hlm. 4

<sup>8</sup> Jitra dipilih Berikat bukan kerana pertahanannya yang lemah tetapi kerana melindungi lapangan terbang yang jaraknya 10 batu dari Jitra. Lihat juga Dato' Ahmad Nordin, 1981. *Sultan Abd. Hamid College Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abd. Hamid (Sahoca).

<sup>9</sup> Abdullah Hussain, *op.cit*, hlm. 8

<sup>10</sup> Pihak tentera Berikat di Kedah adalah dari England, Australia dan India.

<sup>11</sup> Antara asas ketewasan ini ialah tiada bantuan udara yang cukup di pihak Berikat, perancangan asal Malaya memohon sekitar 336 buah pesawat kelas satu untuk pertahanan namun hanya 48 buah sahaja yang dibekalkan dengan tiada sebuah pun pesawat pejuang. Lihat T.P.M Levis, *Changi: Tahun-Tahun Gerhana 1941-45*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm 13

<sup>12</sup> Terdapat seorang pegawai tentera dalam Batalion Punjab 1/14 bernama Mejar Mohan Singh yang kemudiannya memihak kepada Jepun.

menarik jika laporan pengunduran ini diperoleh dari pihak Berikat dan memori askar tersebut diperoleh darinya atau keturunannya.<sup>13</sup> Tentunya ada pengisian pengalaman ini nanti yang bakal memberikan input yang bermakna dalam sejarah perang di Kedah.<sup>14</sup>

Suasana bandar pula mulai kelam kabut apabila tiada pengawasan penguatkuasaan, kecurian bermaharajalela lela dengan perbuatan *looting* dilakukan dengan meluas oleh para penduduk. Segala harta yang bernilai termasuk radio, basikal, mesin jahit hatta katil sekali pun menjadi bahan curian. Di peringkat awal hal ini dibiarkan sahaja oleh pihak Jepun kerana kedai sebegini telah sedia dipecahkan semasa pengunduran pihak Berikat yang melibatkan pasukan Polis juga turut sama berundur.<sup>15</sup> Hal yang sama juga berlaku hampir di semua bandar yang terjebak dengan perang ketika itu, Alor Setar yang paling hampir juga begitu di mana kedai arak telah di musnah sendiri oleh pihak Berikat kerana bimbang ia jatuh ke tangan pihak tentera Jepun, kesan arak dibimbangi akan memberi impak buruk pada penduduk.

### **Gerakan Ke Sumatera (Acheh)**

Gerakan perisikan Jepun sebenarnya telah bermula lebih awal sekitar lewat tahun 1930 an. Para perisik yang terdiri dari pihak militer Jepun dan juga pegawai awam mereka telah datang ke Tanah Melayu dengan pelbagai urusan dan pekerjaan. Dari menjadi juru foto, tukang gigi sehinggalah penjual kuih sepi di dalam kampung adalah agen Jepun. Dalam catatan penulis, pada peringkat awal tidak dinyatakan dengan jelas aspek pasukan perisik Jepun, *Fujiwara Kikan*<sup>16</sup>. Penyertaan beliau ke dalam pasukan tersebut juga tidak jelas dan lebih kepada perihal ikut-ikutan dari tertanamnya semangat nasionalis akibat ceramah seorang tokoh agama tempatan yang bernama Ustaz Said Abu Bakar. Dinyatakan juga tentang pengaruh rakannya bernama Ustaz Mutalib yang juga ahli Kumpulan Sahabat, kumpulan ini lebih kepada persaudaraan sahabat pena yang dianjurkan oleh surat khabar *Sahabat* di Pulau Pinang. Namun begitu Mutalib merupakan anak muda yang progresif dengan penulisannya yang berjiwa Islam.<sup>17</sup>

Seruan terbuka kepada permuafakatan pro-Jepun ini dimulakan dengan ceramah Said Abu Bakar yang diadakan di sebuah surau di Yan, Kedah. Said Abu Bakar kemudiannya telah berjaya menarik masuk penulis dan Ibrahim seorang pemandu motokar ke dalam gerakan itu. Pengumpulan awal mereka ialah di pejabat Bank Hongkong and Shanghai, Sungai Petani yang ramai tentera Jepun berada di situ. Keterangan Abdullah menyatakan semasa awal perang bank tersebut dijadikan logistik makanan bagi pihak Jepun dalam misi mereka meluas ke selatan.

---

<sup>13</sup> Antara punca ketewasan begitu mudah pihak Berikat ialah melalui peta yang dirampas Jepun semasa pertempuran di Jitra. Peta tersebut memaparkan tentang sistem pertahanan pihak Berikat di utara. Lihat Dato' James Augustine, *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah, 1996, hlm. 153

<sup>14</sup> Pertempuran hebat selepas Jitra adalah di Gurun, di mana korban perang begitu ramai dan bau busuk mayat yang tinggalkan kekal sehingga seminggu. Penduduk kampung naik ke gunung Jerai untuk menyaksikan pertempuran. Lihat Dato' James Augustine, *op.cit.* hlm. 168

<sup>15</sup> Abdullah Hussain, *op.cit.* hlm. 10, 14, kejadian ini juga seumpama samun berkumpulan era lebih klasik dengan watak Panglima Nayan yang digelar Robin Hood Melayu, rujuk Mansor Abdullah, 1959. *Panglima Nayan (Robin Hood Malaya)*, Sinaran Bross. Pihak Polis juga berundur, rujuk Mohd Radzuan Hj Ibrahim, 1984. *Polis Diraja Malaysia Sejarah Peranan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Karang Kraf Sdn. Bhd.

<sup>16</sup> Nama sebenar ialah Fujiwara Iwaichi, semasa perang bermula beliau berpangkat Major

<sup>17</sup> Kesatuan Melayu Muda juga berpihak kepada Jepun dengan satu mesyuarat yang diadakan oleh pihak KMM dengan Mejar Fujiwara Iwaichi di Bangkok dalam bulan November 1941, lihat Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017, hl.39

Sekolah Melayu pula dijadikan tempat tahanan askar India dan Inggeris yang menyerah diri. Fakta sebegini dapat dijanakan kembali kepada aspek yang ilmiah dalam sejarah dengan melihat rekod kedua-dua kuasa tentera ketika ini. Ini juga bernilai pada sejarah tempatan khususnya pihak berkuasa tempatan Sungai Petani.<sup>18</sup>

Mereka kemudiannya dikumpulkan di Taiping, Perak dan digerakkan ke Ipoh. Mereka diarahkan berjumpa dengan seorang ketua tentera bernama Matsubishi yang digambarkan mempunyai fizikal gemuk, bercermin mata, berpedang dan bertutur loghat Indonesia. Mereka dikelompokkan bersama ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ada dari ras kaum Minangkabau, Jambi dan Jawa. Mereka kemudian bergerak dengan tentera Jepun ke Kuala Lumpur dengan menaiki lori.<sup>19</sup> Abdullah menceritakan beliau melihat suasana perang ketika itu dengan mayat tentera Berikat bergelimpangan di pinggir jalan. Paling banyak ialah di antara Trolak dengan Slim River yang dilihat ramai tentera terbunuh. Lebih menarik ialah kehadiran seorang lelaki kulit putih yang dikatakan mungkin seorang Jerman, memakai Swastika di lengan dan dikatakan penasihat tentera Jepun.<sup>20</sup> Mereka kemudiannya ditempatkan di sebuah hotel bernama Colonial Hotel, dalam bandar Kuala Lumpur. Dikatakan hotel tersebut terletak di High Street, tentunya dengan penjaanaan sejarah lokasi hotel tersebut dan jalan dapat dikesan kembali. Hotel itu dikatakan mengalami keputusan air disebabkan paip terputus di Hale Road.<sup>21</sup>

Mereka kemudiannya diletakkan dalam “Sayap Ke Lima”, mereka kemudiannya diberikan taklimat sendiri oleh Fujiwara selaku ketua utama badan risikan Jepun tersebut. Antara yang menjadi tugas Sayap Ke Lima ialah misi mereka ke Indonesia, kerja mereka ialah mencari kawan berhubung, halang Belanda dengan hancurkan jambatan, memotong talian telefon dan perlu berhelah jika ditangkap Belanda. Mereka kemudiannya dibekalkan dengan wang sebanyak \$30 Malaya.<sup>22</sup> Fakta ini begitu bernilai dalam pengkajian tentang gerakan perisikan dan sabotaj yang dilakukan oleh kumpulan Fujiwara Kikan ini. Dalam penulisan di pihak Malaysia atau Indonesia tidak banyak tulisan atau paparan cerita yang terperinci tentang pasukan ini. Dalam konteks Malaysia ia akan dilihat sangat bernilai berlebih lagi dengan penglibatan orang tempatan Malaysia dalam gerakan ini.<sup>23</sup>

### **Menjejak di Sumatera**

Pasukan yang melibatkan Abdullah ditugaskan untuk misi Jepun ke Sumatera yang semasa itu masih kukuh di bawah kuasa Belanda. Mereka kemudiannya dibawa ke Jeram, Kuala Selangor dan ditempatkan dalam sebuah motobot. Dari Jeram mereka belayar ke Melaka dan dialih kemudi ke Sumatera. Mereka mendarat di Batu Teritip dan mencari usaha berperahu ke Pasir Limau Kapas untuk ke Tanjung Balai. Proses ini menjadi berperingkat kerana sekatan pelayaran yang dilakukan oleh pemerintah Belanda ketika itu. Di Pasir Limau Kapas mereka terpaksa berurusan dengan penghulu untuk mendapatkan pas melawat dengan alasan sebagai rakyat Indonesia dan mahu pulang ke kampung di Aceh. Jika pas perlepasan seperti yang dipaparkan ini diusulkan kembali dari khazanah sejarah Indonesia kemungkinan ia bakal menjadi satu aset sejarah yang

---

<sup>18</sup> Abdullah Hussain, *op.cit*, hlm.24

<sup>19</sup> Ada antara mereka yang terlibat dengan latihan perisikan tajaan Jepun dalam *Nakano Gakko School of Spy*

<sup>20</sup> Rujuk Abdullah Hussain, *op.cit*, hlm 26

<sup>21</sup> Abdullah Hussain, *op.cit* hlm 30.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm 32

<sup>23</sup> Kupasan perang ini juga dapat dibaca dengan lebih meluas dalam Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua: Peranan Askar Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

bernilai. Abdullah mencatatkan dengan bayaran sebanyak 3 Rupiah selepas tawar menawar dari kehendak asal 5 Rupiah, satu surat permit diperoleh;

*Dengan ini saya penghulu Pasir Limau Kapas menerangkan bahawa yang memegang surat ini bernama Abdullah N.H. adalah seorang Indonesia Aceh yang bekerja sebagai penangkap ikan di Pasir Limau Kapas, dia bermaksud akan kembali ke kampungnya di Aceh kerana menjumpai kaum keluarganya.*<sup>24</sup>

Pemergian mereka berhalangan kerana mereka telah ditahan oleh pihak Polis di Sungai Nibung. Mereka yang terputus berita dari Malaya hanya mengetahui hal dunia luar dari belian akhbar *Pewartu Deli* dan *Sinar Deli*. Dalam penyelidikan sejarah, inilah sumber yang bakal mengukuhkan perihal sejarah peperangan di Nusantara khususnya di Indonesia. Tentu sahaja sumber ini masih ada dan huraian penuhnya boleh diperoleh. Maklumat yang diberikan Abdullah ini juga bakal menjana sejarah pada industri persuratkhabaran di Indonesia sendiri. Penulis juga menyebut terma tempat dan pekerjaan di masa itu yang masih mengguna bahasa Belanda seperti *Hoofbestuur* (Pegawai Daerah) *Politiek Inchtlichtingen Dienst* (Pegawai Risikan Politik) dan *Mester in de rechten* (Sarjana Hukum).<sup>25</sup>

### **Bertapak di Aceh**

Namun mereka tidak lama berhalangan selepas beberapa hari permasalahan ini diselesaikan. Seterusnya, mereka dilepaskan dari tahanan beberapa ketika sebelum Jepun mendarat di Aceh dan penulis mencatatkan tentang kemaraan Jepun ketika itu.

*“Dengan perut kosong kami berjalan ke kota Medan dengan kereta-kereta kebal berlapis waja dan dengan lori-lori. Dari arah jalan Raja kelihatan satu perarakan besar yang dipelopori orang parindra melalui Peking Straat. Tetapi setelah barisan sampai di Central Pasar berhampiran simpang Jalan Bali terjadilah satu peristiwa hebat, beberapa polisi telah melepaskan tembakan dan beberapa orang yang berpawai menemui ajalnya.*<sup>26</sup>

Inilah adalah paparan awal tentang kemaraan Jepun di Aceh, persoalannya adakah pernah tercatat penceritaan lain tentang kedatangan Jepun di waktu itu sama ada dalam rekod Indonesia atau Jepun sekali pun. Penulis yang merupakan agen Jepun menceritakan tentang kedatangan Matsubushi yang merupakan pegawai atasannya di Malaya seterusnya mengumpulkan semua agen Fujiwara Kikan bagi mentadbir Aceh di peringkat awal pendudukan. Mereka kemudiannya bertemu dengan Persatuan Ulama Aceh (PUSA) bagi mendapatkan kerjasama, antara jelas disebut di pihak PUSA ialah Tengku Osman selaku ketua PUSA dan barisan kepimpinan lain seperti Hussain Al Mujahid, Osman Adamy, dan Abu Bakar Amin. Dari maklumat ini satu kajian lanjut sangat besar potensinya untuk melihat kewujudan PUSA dan keterlibatan pakatan ini semasa era perang.<sup>27</sup> Dikira inilah hubungan terawal antara pihak risikan Jepun dengan anak tempatan Aceh dan jika susulan lanjut dibuat tentunya maklumat ini dapat diperkayakan.

### **Hasil kajian dan kelebihan *Aku Tidak Minta***

Novel ini dilihat sangat bernilai kerana ia adalah percakapan langsung dari si pelaku yang juga menjadi penulis. Novel ini berbentuk memoir dari segala pengalaman peribadi yang dilalui oleh penulis. Sebagai seorang penulis sastera terbina dari elemen pengamatan dan terperinci terhadap apa yang dilalui. Segala catatan beliau mengikut kronologi dan disokong oleh peristiwa di waktu

---

<sup>24</sup> Abdullah Hussain, *op.cit*, hlm 42

<sup>25</sup> *Ibid*, hlm 55

<sup>26</sup> *Ibid*, hlm 61

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm 67

itu yang benar berlaku. Penulis menggarapkan dengan jelas tentang apa yang berlaku di peringkat awal kemaraan Jepun di Kedah. Pembaca seolah-olah kembali ke era perang dengan kupasan peristiwa yang dipaparkan. Penceritaan bersifat kronologi memudahkan pembaca dan bakal penyelidik untuk melihat faktor peristiwa dan masa. Asas ini boleh dijadikan sebagai pemudah kepada rujukan silang terhadap apa yang diceritakan dengan rujukan lain yang membantu. Kesahan cerita adalah tinggi dengan kupasan yang melibatkan jalan cerita, nama individu dan perincian sampingan seperti nama jalan, institusi dan penerbitan akhbar ketika itu. Tidak banyak penulis seperti Abdullah Hussain yang mampu menggarapkan pengalaman sebegitu jelas. Terdapat beberapa karya beliau yang bersifat autobiografi seperti kisah seniman agung P. Ramlee yang merupakan teman rapatnya. Tulisannya juga jelas dan terperinci dengan mengingat kembali asas bual yang mungkin diolah balik dalam bentuk karya sastera penceritaan. Namun begitu pada asas peristiwanya masih ada dan boleh disandarkan untuk kajian lanjut. Suatu lagi kelebihan beliau ia mengingat dan menyimpan serta dapat menghuraikan input maklumat dengan baik. Novel ini begitu berpotensi besar untuk dijadikan asas kepada penjanaaan lanjut secara ilmiah dalam sejarah Malaysia juga Indonesia khususnya dalam skop kemaraan tentera Jepun di Nusantara ini.

### **Kesimpulan**

Malaysia bukanlah begitu subur untuk mendapatkan karangan bersifat memoir jika dibandingkan dengan negara barat. Hal ini berlaku atas pelbagai alasan, kesedaran menulis, budaya mengkaji malah kadar celik huruf diperingati sebelum Perang Dunia Kedua juga adalah antara sandarannya. Karya bersifat memoir sejarah yang menceritakan tentang peristiwa Perang Dunia Kedua tidaklah begitu banyak di Malaysia. Hal ini lahir dari pelbagai faktor, antara yang utama ialah budaya menulis kembali peristiwa lampau yang dilalui tidak meluas di kalangan rakyat Malaysia. Malah perihal sejarah juga bukan sesuatu yang kukuh diteraskan dalam jati diri rakyat Malaysia yang berbagai kaum ini. Abdullah Hussain adalah antara penulis yang mampu menghasilkan ingatan kepada penulisan yang begitu jelas dan terperinci tentang kisah hidupnya yang juga membawa kepada aspek sejarah negara. Karya *Aku Tidak Minta* begitu berpotensi jika dijadikan asas oleh para ahli sejarah untuk kajian lanjut yang lebih bersifat akademik dengan mengambil asas dari isi memoir tersebut. Dapatan tadi begitu bermakna dalam usaha memperkayakan sejarah di Malaysia ini. Di pihak negara jiran Indonesia juga bakal mendapat faedah yang tidak sedikit disebabkan pokok penceritaan adalah tentang agen perang yang menyusup masuk ke Indonesia sebagai asas mata telinga pihak Jepun. Adalah jelas satu kerugian bagi sejarah secara umumnya jika potensi penjanaaan besar ini diabaikan. Penulis Abdullah Hussain telah pun meninggal dunia dengan hasil tulisannya yang begitu bernilai dan adalah merugikan jika khazanah yang berharga ini dibiarkan begitu sahaja sehingga hilang ditelan zaman.

### **Rujukan**

- Abdullah Hussain, *Aku Tidak Minta*, Shah Alam: Fajar Bakti, 1998  
Abdul Samad Idris, *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1993  
Dato' James Augustine, *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah, 1996  
Dato' Ahmad Nordin, 1981. *Sultan Abd.Hamid College Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abd. Hamid (Sahoca).  
Dorothy Tratcher & Robert Cross 1993. *Refugee from the Japanese*, Kuala Lumpur: MBRAS  
Fujiwara Iwaichi, *F.Kikan: Japanese Army Intelligence Operation in South East Asia during World War 2*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983  
Ibrahim Ismail, 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Penerbitan Universiti Utara Malaysia



- Ibrahim Ismail, Jeneral Tan Sri, 1986. *Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945: Tumpuan di Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992
- Mohd Radzuan Hj Ibrahim, 1984. *Polis Diraja Malaysia Sejarah Peranan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Karang Kraf Sdn.Bhd.
- Mansor Abdullah, 1959. *Panglima Nayan (Robin Hood Malaya)*, Sinaran Bross.
- Mustafa Dato Mahmud, 1997, *Tinggal Kenangan the Memoir of Dato' Sir Mahmud Mat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matanle, Ivor, 1989. *World War II*, London: Colour Library Books.
- Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
- Ibrahim Yaakop, *Melihat Tanah Air*, Kota Bahru: Al Islamiah Press, 1941
- Shahrom Hussain, 2004. *Di Bawah Sinar Matahari*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- T.P.M Levis, *Changi: Tahun-Tahun Gerhana 1941-45*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992